



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO		
TARIKH	:	21/10/2019	MUKA SURAT	: 15
JABATAN	:	PERHILITAN		
KLASIFIKASI	:	<b>PERHATIAN</b>		

### Ingat 'beruang' bergayut atas ampaian



HAIWAN liar yang disangka beruang.

**Hulu Selangor:** Seorang penduduk di Kampung Ulu Sungai Choh di sini, terkejut apabila terserempak seekor beruang sedang bergayut pada ampaian baju.

Bagaimanapun, beruang berwarna hitam itu dikenal pasti sebagai haiwan liar binturong yang sukar ditemui.

Pegawai Pertahanan Awam Daerah Hulu Selang-

or Kapten (PA) Hilmi Husman berkata, penemuan haiwan liar itu dimaklumkan kepada pihaknya jam 4.54 petang kelmarin.

Menurutnya, seramai enam anggota APM ke kediaman terletak di Serendah itu.

"Bagaimanapun, apabila tiba di lokasi, kami mendapati haiwan dimaksud-



ANGGOTA APM memujuk binturong masuk sangkar.

kan itu bukan beruang. Ia binturong dewasa.

"Haiwan itu dipercayai kelaparan sebelum anggota APM bertindak cuba menjinakkan dan mengumpan haiwan liar itu menggunakan pisang. Langkah itu dilakukan dalam usaha memujuk masuk ke dalam sangkar," katanya.

Menurutnya, binturong

itu kemudian berjaya ditangkap dan diselamatkan selepas usaha memujuknya dilakukan anggota APM selama hampir 30 minit.

"Haiwan liar itu kemudian dibawa ke pejabat Perhilitan sebelum diserahkan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan)," katanya.